

## Pelajar Politeknik Kota Kinabalu hasil inovasi sistem pam tanjakan air

Oleh [Johary Indan](#) - Disember 6, 2023 @ 9:11am

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Dua pelajar jurusan kejuruteraan elektronik komputer Politeknik Kota Kinabalu, Claudius Nicolas Thomas (kiri) dan Harraz Syahmi Hamdan menunjukkan inovasi pam tanjakan air hasil usaha mereka. NSTP/Johary Indan

KOTA KINABALU: Inovasi sistem pam tanjakan air hasil usaha dua pelajar Politeknik Kota Kinabalu yang akan dipasang di Kampung Bawang, Tamparuli bakal memberi manfaat kepada penduduk kampung berkenaan.

Pam itu adalah ciptaan pelajar jurusan kejuruteraan elektronik komputer semester kelima, Claudius Nicolas Thomas dan Harraz Syahmi Hamdan.

Ahli Parlimen Tuaran, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau, yang menyaksikan sendiri rekaan pelajar itu bangga dengan usaha serta kejayaan pelajar berasal dari Tamparuli itu.

"Hasil inovasi itu nanti akan diaplikasikan di Kampung Bawang, Tamparuli, tempat kelahiran Claudius sebagai sumbangan beliau kepada penduduk kampungnya," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Tangau berkata, sistem itu turut dilengkapi dengan "*water flow sensor*" yang mampu mengukur jumlah air yang disalurkan menerusi sistem aplikasi berkenaan.

"Dengan kawalan moden menggunakan alat pengawal yang boleh dikendalikan menerusi aplikasi telefon pintar, mereka mampu mengawal aliran air, merekod jumlah dan mengetahui jumlah tenaga digunakan sistem itu," katanya.